

## **PERINGATAN KEPADA CALON / REMINDERS TO CANDIDATES**

### **i) DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA PADA HARI PEPERIKSAAN**

Calon hendaklah membawa dokumen seperti berikut:

- Slip Peperiksaan calon yang mengandungi maklumat angka giliran, pusat peperiksaan, dan subjek yang diambil.
- Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri lain yang sah.
- Alat bagi keperluan peperiksaan seperti pen, pensil, pemadam, kalkulator, jangka sudut dan sebagainya.

### **ii) KEDATANGAN**

Calon hendaklah berada di dalam Dewan Peperiksaan lebih awal daripada waktu peperiksaan dimulakan untuk :

- Mendaftar Kedatangan.
- Mendapatkan penjelasan terakhir mengenai peraturan peperiksaan/ tatatertib di Dewan Peperiksaan.
- Calon yang datang lewat melebihi 30 minit selepas peperiksaan bermula tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan.
- Tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengawas, beliau boleh membenarkan calon untuk menduduki peperiksaan sekiranya alasan yang dikemukakan itu munasabah dan dapat diterima.
- Selain itu, masa tambahan peperiksaan atas kelewatan yang berlaku adalah tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengawas.

### **iii) PAKAIAN**

- Calon diwajibkan berpakaian kemas seperti menjalankan tugas rasmi di pejabat. Calon tidak dibenarkan memakai selipar, baju T dan seluar pendek.
- Calon wanita tidak dibenarkan memakai purdah dan pakaian yang menjolok mata. Ketua Pengawas mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan calon menduduki peperiksaan.

### **iv) PERKARA YANG DILARANG DIBAWA MASUK KE DEWAN PEPERIKSAAN**

- Sukatan peperiksaan atau panduan kepada calon telah menjelaskan perkara-perkara yang boleh atau tidak boleh dibawa masuk ke Dewan Peperiksaan.

- Buku atau bahan yang dibenarkan tidak boleh mengandungi apa-apa tanda, isyarat, tulisan atau nota yang boleh digunakan bagi membantu calon menjawab soalan.
- Ketua Pengawas mempunyai kuasa untuk menahan calon daripada meneruskan peperiksaan sekiranya melanggar peraturan ini.

#### **v) PERATURAN DALAM PEPERIKSAAN**

- Calon hendaklah menyimpan barang yang dilarang dibawa masuk ke Dewan Peperiksaan di tempat khas yang disediakan.
- Calon hendaklah mempamerkan Kad Pengenalan atau kad pengenalan diri lain dengan cara meletakkannya di sudut sebelah kanan meja masing-masing.
- Semasa peperiksaan sedang berjalan, suasana di dalam Dewan Peperiksaan mestilah di dalam keadaan aman dan senyap. Setiap calon hendaklah berkelakuan baik dan ditegah sama sekali mengganggu calon lain dengan bercakap atau membuat bising.
- Jika memerlukan sebarang penjelasan atau hendak keluar dari dewan, calon hendaklah mengangkat tangan dan memberitahu Pengawas yang bertugas. Calon hanya boleh keluar setelah mendapat kebenaran daripada Pengawas.
- Calon dinasihatkan tidak menulis selain daripada perkara yang ditanya oleh soalan. Perkara yang dianggap sensitif atau perkara yang berkaitan dengan Akta Hasutan adalah dilarang ditulis di dalam kertas jawapan mereka. Calon juga dilarang menggunakan tempat peperiksaan sebagai tempat meluahkan perasaan dan mengkritik Dasar Kerajaan.
- Calon tidak dibenarkan merokok di dalam Dewan Peperiksaan.
- Calon hanya dibenarkan meninggalkan Dewan Peperiksaan selepas 30 minit peperiksaan berjalan. Calon tidak dibenarkan meninggalkan Dewan Peperiksaan 15 minit sebelum tamat peperiksaan.
- Sebelum meninggalkan Dewan Peperiksaan, calon dikehendaki menyerahkan kertas jawapan kepada Pengawas.
- Calon dilarang berhubung dengan Ketua Pengawas/ Pengawas dengan tujuan selain daripada perkara yang berkaitan dengan peperiksaan sama ada di luar Dewan atau selepas tamat peperiksaan.
- Calon tidak dibenarkan meniru di antara satu sama lain.